

05/07/1999

Shahnon cuba bermain sandiwara

KETIKA memberi ceramah di Taman Rakyat, Alor Star, Kedah, malam kelmarin penulis novel *Shit*, Prof Datuk Shahnon Ahmad dilaporkan meminta maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan kandungan bukunya yang mengandungi kata-kata lucu, mencarut dan menjijikkan. Daripada laporan beberapa akhbar mengenai kenyataan maafnya itu, beliau juga menjelaskan bagaimana ilham mengarang buku itu timbul. Kenyataannya itu tidak boleh direka sewenang-wenangnya oleh wartawan. Lagi pun, majlis itu turut dihadiri ramai hadirin yang menjadi saksi mengenai kenyataannya itu. Jika Shahnon menafikan kenyataannya itu, beliau hanyalah bermain sandiwara. Beliau sebenarnya memperjudikan kewibawaannya sebagai seorang penulis besar jika maksud ceramahnya memang jelas difahami hadirin lain.

Sebagai penulis yang diberi pengiktirafan Sasterawan Negara, agak aneh jika Shahnon gagal menyampaikan mesej ucapannya kepada pendengar. Apakah dalam ceramah kepada orang ramai Shahnon menggunakan bahasa sastera dan fiksyen hingga menyebabkan semua orang keliru dengan apa yang cuba disampaikan. Oleh itu, apakah keistimewaan bahasa sastera jika ia sukar difahami? Jika orang Melayu sendiri tidak dapat memahami biji butir ceramahnya, apakah nilai karya sastera yang pernah ditulisnya sebelum ini? Begitu juga, apakah gaya satira yang dimaksudkannya, sesuai untuk khalayak yang ingin tahu mengenai perkembangan semasa. Apa yang dipersoalkan, mengikut gaya bahasa sebutan sebagaimana dilaporkan akhbar-akhbar, bahasa yang digunakan begitu mudah. Sekali pun mendakwa menggunakan bahasa sastera yang sukar difahami, Shahnon sebenarnya memberi ceramah kepada penduduk di sebuah taman perumahan, bukan di universiti. Apakah beliau tidak dapat membezakan bentuk khalayak yang berada di depannya?

Bagaimana pun Shahnon mengakui beliau tidak langsung berniat menghina Dr Mahathir secara peribadi, sebaliknya menegur serta mengkritik corak kepemimpinan Perdana Menteri dan kerajaan. Adalah tidak salah Shahnon mahu menegur atau mengkritik corak kepemimpinan Dr Mahathir. Bila masa Dr Mahathir tidak pernah dikritik. Malah beliau adalah pemimpin yang paling banyak menerima kecaman dari dalam dan luar. Mengecam dan mengkritik kerajaan adalah fenomena biasa di negara ini. Cuma, cara dan pendekatan Shahnon sukar diterima kerana ia menenggelamkan nilai budaya dan adat bangsa dan agama, apatah lagi beliau adalah seorang penulis ternama.

Shahnon menulis buku itu tanpa sedikit pun mendekati hati budi Dr Mahathir. Beliau hanya mengenali Dr Mahathir dari jauh dan sudah tentu pengamatannya terhadap peribadi Perdana Menteri hanya berasaskan kepada pandangan orang lain.

Sebagaimana dilaporkan akhbar, beliau menulis novel itu setelah bertemu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memintanya menulis sesuatu. Sebagai penulis besar dan disanjung, Shahnon tidak sepatutnya menulis sesuatu karya atas desakan orang lain yang bukan lahir daripada jiwa, pemerhatian dan pemikiran ikhlasnya sendiri.

Jika Shahnon mahu menulis surat atau menemui sendiri Dr Mahathir untuk meminta maaf, itu adalah cara yang lebih baik. Beliau mengecam Dr Mahathir secara peribadi. Oleh itu, adalah lebih molekul, beliau meminta maaf secara peribadi. Soal beliau tidak berniat menyinggung perasaan Dr Mahathir tidak timbul kerana sesiapa saja yang membaca buku itu, faham apa yang tersurat dan tersirat. Apatah lagi Dr Mahathir sendiri.

Shahnon tidak perlu bertanya sama ada Dr Mahathir tersinggung atau tidak dengan kandungan novel itu kerana Perdana Menteri sendiri sudah pun

menyatakan betapa sedihnya beliau apabila dicaci begitu hina.

Shahnon juga mendakwa Dr Mahathir tidak mempedulikan teguran parti pembangkang dalam mentadbir negara. Jika inilah persoalan yang diajukannya, apakah selama ini parti pembangkang juga pernah akur terhadap teguran kerajaan. Parti pembangkanglah yang paling banyak mempersenda setiap rancangan kerajaan. Mereka hanya mencari kesalahan tetapi tidak pernah memuji apabila rancangan kerajaan berjaya. Sebagai kerajaan yang memerintah, segala tindakan kerajaan adalah berasaskan kepada kepentingan rakyat. Kerajaan tidak boleh tunduk kepada teguran parti pembangkang yang bertindak atas kepentingan politik.

Pentas parti pembangkang ialah di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Selama ini mereka tidak pernah disekat daripada memberi pandangan.

(END)